

Bahagian A (SET 1)
[10 markah]

Soalan 1 hingga 3

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 “Projek _____ perlu dihantar kepada saya pada hari Jumaat ini,” kata Cikgu Raissa kepada semua murid-murid Tahun 6 Gemilang.
A kalian
B awak
C kamu
D kami

- 2 Wafiq tidur _____ kain batik milik arwah ibunya.
A bertampalkan
B berselimutkan
C berlindungi
D bertutupkan

- 3 *Pilih ayat yang betul.*
A Afiqah bercadang harus memakai kebaya semasa sambutan Hari Kebangsaan nanti.
B Faizah menegur anaknya yang pernah tidur walaupun hari sudah lewat malam.
C Nabila akan dikahwinkan dengan jirannya yang baru pulang dari luar negara.
D Jamilah ke kedai kerana akan membeli sekilogram daging dan ayam tua.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada cuti sekolah yang lalu, Zamri bersama ibu bapa dan adik-beradiknya pergi bercuti ke Air Terjun 7 Puteri yang terkenal. Perjalanan mereka sangat menyeronokkan kerana melalui kawasan hutan yang menghijau.

Setibanya di sana, mereka menikmati udara segar dan bunyi deruan air yang menenangkan. Zamri mandi-manda bersama adiknya sambil bermain percikan air. Ayahnya pula mendirikan khemah, manakala ibunya menyediakan makanan untuk berkelah. Mereka sekeluarga bergembira sambil menikmati makanan enak di tepi air terjun.

Selepas itu, mereka bergambar bersama-sama untuk dijadikan kenangan indah. Percutian ini benar-benar meninggalkan pengalaman manis yang sukar dilupakan oleh Zamri dan keluarganya.

- 4 Mengapakah Zamri dan keluarganya berasa gembira ketika berada di Air Terjun 7 Puteri?
- A Mereka melalui kawasan hutan yang hijau.
 - B Mereka mendirikan khemah bersama-sama.
 - C Mereka meninggalkan pengalaman manis yang sukar dilupakan.
 - D Mereka menikmati udara segar dan bunyi air yang menenangkan
- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Ayah Zamri menyediakan makanan untuk berkelah.
 - B Zamri mandi-manda sambil bermain percikan air.
 - C Mereka tidak bergambar kerana terlalu indah.
 - D Ibu Zamri mendirikan khemah berhampiran hutan.
- 6 Berikut ialah pengalaman Zamri dan keluarganya semasa bercuti, *kecuali*
- A membina khemah di dalam hutan.
 - B menikmati deruan air terjun.
 - C mandi air terjun yang hijau
 - D makan di tepi air terjun

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.


BAHAN 1

Encik Ramli pada mulanya hanyalah seorang petani kecil yang menanam beberapa pokok jambu di kebun berhampiran rumahnya. Dengan penuh kesabaran, beliau menjaga pokok-pokok itu setiap hari, menyiram, membaja, dan memangkas ranting yang tidak diperlukan. Usahanya membuahkan hasil apabila pokok jambunya mula mengeluarkan buah yang lebat dan segar.

Pada mulanya, beliau hanya menjual buah jambu itu di pasar malam, tetapi semakin lama permintaan terhadap jambu semakin meningkat. Encik Ramli kemudian menambah jumlah tanaman dan menggunakan teknologi moden untuk meningkatkan hasil kebunnya.

Kini, beliau menjadi seorang usahawan berjaya yang mampu membekalkan buah jambu ke pasar raya besar. Perjalanan hidup Encik Ramli membuktikan bahawa kegigihan dan *usaha* yang berterusan mampu mengubah kehidupan seseorang.

BAHAN 2



7 Bagaimanakah Encik Ramli menjaga pokok jambunya setiap hari?

- A Menyiram, membaja, dan memangkas ranting
- B Membaja, menjual, dan menyimpan buah
- C Mengangkat buah, dan memangkas ranting
- D Menjaga, menambah, dan mengangkut buah

8

Kini, beliau menjadi seorang usahawan berjaya yang mampu membekalkan buah jambu ke pasar raya besar

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A botol
- B butir
- C buah
- D biji

9 Perkataan *usaha* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

- A ikhtiar
- B gagal
- C kejayaan
- D kekutan

10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Encik Ramli memulakan perniagaan berhampiran dengan rumahnya.
- B Encik Ramli menambah jumlah tanaman dengan teknologi moden.
- C Usahawan berjaya hendaklah tidak mudah berpandangan jauh.
- D Usahawan berjaya mestilah rajin mencari masalah dan penyelesaian.